

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL 1/2004

DASAR PEMBANGUNAN TANAH DI LEMBANGAN SUNGAI DAN PERSISIRAN PANTAI

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan dasar yang telah ditetapkan bagi pelupusan tanah dilembangan sungai dan persisiran pantai untuk tujuan pembangunan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.4/2004 yang bersidang pada 25hb. Februari 2004 semasa menimbang Kertas MMK Bil.4/275/2004(9) berhubung dengan 'Dasar Pembangunan Tanah Di Lembangan Sungai Dan Persisiran Pantai' telah bersetuju agar tanah-tanah di lembangan sungai dan persisiran pantai boleh dilupuskan dan dimajukan berasaskan kepada perkara-perkara berikut :-

2.1.1 Bagi tanah di dasar dan ditepi sungai atau pantai yang telah diwartakan, Pihak Berkuasa Negeri boleh melupuskannya secara pengeluaran lesen pendudukan sementara (TOL) dibawah Seksyen 67 dan Seksyen 69 Kanun Tanah Negara 1965 atau secara pajakan tanah rizab di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965.

- 2.1.2 Bagi tanah-tanah yang belum diwartakan sebagai rizab sungai atau pantai, pelupusan tanah-tanah tersebut boleh dibuat secara pemberianmilik dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Manakala keperluan rizab sungai hendaklah ditentukan oleh Pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) sebelum pemberianmilik diluluskan. Tempoh hakmilik adalah merujuk kepada Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 dan Pekeliling PTG.Bil.4/1971.
- 2.1.3 Tanah tumbuh atau tanah yang ditebus guna (reclaim) boleh dilupuskan dengan kaedah pemberianmilik dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 tertakluk kepada keperluan rizab yang akan ditentukan oleh Pihak Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS).
- 2.1.4 Perlaksanaan projek pembangunan di lembangan sungai atau persisiran pantai hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pertimbangan dari jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.1.5 Status tanah tumbuh atau tanah yang ditebus guna (reclaim) kekal sebagai Tanah Rizab Melayu dan pertimbangan boleh dibuat berdasarkan kes-kes tertentu untuk diberimilik kepada Orang-Orang atau Badan-Badan Bukan Melayu bagi projek-projek tertentu.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

t.t

.....
(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.
FAIL: PTG.KN.4485/1 Jld.2 (14)
BERTARIKH : 17 JUN 2004**